

Nama : \_\_\_\_\_

Latihan

Penanda Wacana

Lengkapkan cerita di bawah menggunakan penanda wacana yang betul.

Tina anak tunggal dalam keluarganya. Ayahnya telah meninggal dunia dua tahun yang lalu. \_\_\_\_\_, ibu Tina terpaksa membuah kuih-muih untuk dijual di pasar bagi menampung perbelanjaan keluarga.

\_\_\_\_\_, wang pencen arwah ayahnya tidak mencukupi menampung kehidupan mereka. Ibu Tina wanita yang kuat bekerja. Pada waktu siang, dia sibuk membuat kuih-muih dan menjualnya di pasar. Pada waktu malam pula dia akan menyiapkan tempahan baju jiran-jirannya.

\_\_\_\_\_, ibu Tina jatuh sakit kerana terlalu penat.

\_\_\_\_\_, Tina terpaksa ponteng sekolah demi menggantikan ibunya menjual kuih-muih di pasar. \_\_\_\_\_, tugas baharunya tidak menghalangnya menjadi pelajar yang berjaya. \_\_\_\_\_, jiwa Tina semakin kental dan bersemangat. Dia berazam untuk belajar lebih tekun demi membela nasib keluarganya,

Sebaliknya	Akhirnya	Namun begitu
Sejak itu	Oleh itu	Tambahan pula